

Pelajar musykil pilih kerjaya

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya pelajar yang menuntut di tingkatan enam bawah. Saya kini dalam dilema kerana tidak pasti apakah prospek masa depan selepas menamatkan persekolahan.

Saya ingin memasuki universiti namun sampai sekarang tidak pasti apakah kerjaya atau bidang pengkhususan yang boleh diambil berdasarkan subjek pengajian yang diambil.

Saya rusing apatah lagi memikirkan masa depan. Bantulah saya untuk memilih

yang terbaik.

REMAJA RUNSING,
Johor

! Pengetahuan dan maklumat mengenai laluan kerjaya dan kepentingan subjek yang diambil penting bagi perancangan kerjaya masa depan.

Di sekolah pelajar boleh menemui guru bimbingan dan kaunseling yang dapat memberi pencerahan juga bimbingan arah tuju kerjaya seorang pelajar.

Ujian atau inventori minat kerjaya boleh ditabdir kaunselor sekolah kepada pelajar untuk memadankan minat kerjaya juga kesesuaian personaliti.

Guru bimbingan dan kaunseling amat membantu dalam menyampaikan dan memberi maklumat mengenai sesuatu kerjaya serta syarat-syarat kemasukan ke universiti dalam

bidang tersendiri.

Kementerian Pendidikan serta agensi-agensi luar juga sering menganjurkan promosi bergerak mengenai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Dalam program promosi ini, pengunjung berpeluang mengetahui syarat-syarat kemasukan ke program pengajian serta bidang pengajian yang ditawarkan sesebuah universiti.

Pemilihan kerjaya bukan saja bergantung kepada subjek pengajian diambil.

Seorang yang ingin berjaya dalam bidang pekerjaan diceburi perlu mempunyai minat, personaliti bersesuaian, usaha keras, faktor kewangan serta sokongan.

Faktor peluang dan pasaran kerja juga boleh menentukan kejayaan seseorang dalam bidang kerjayanya.

Majikan wanita kepala angin

? Saya berusia 22 tahun dan baru saja memulakan langkah di alam pekerjaan. Saya mempunyai diploma dan mengambil bidang teknologi maklumat.

Selepas berhempas pulas belajar, saya bersyukur kerana memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian.

Memang tekad saya untuk bekerja dengan ber-sungguh-sungguh bagi membantu keluarga di kampung.

Keluarga saya orang susah dan mempunyai adik yang masih belajar. Saya bertekad membantu keluarga meringankan beban mereka.

Suasana di tempat kerja biasa saja dengan rakan-rakan sentiasa menghulurkan bantuan. Cuma yang menjadi masalahnya ialah majikan saya bersikap kepala angin.

Dia wanita berumur akhir 30-an dan masih belum berkahwin. Pada pandangan biasa, dia seorang yang baik dan sangat me-

mahami.

Namun ada kalanya karakter itu akan bertukar sekelip mata. Daripada bersikap prihatin, tiba-tiba dia boleh bertukar seperti singa lapar.

Dia boleh memaki hamun, marah-marah dan ada kalanya sanggup menengking kakitangan di hadapan orang ramai.

Saya memang tidak memahami sikapnya itu dan ini mengganggu semangat untuk bekerja dengan baik. Saya juga pernah kena marah dengannya secara tiba-tiba tanpa diketahui puncanya.

Apa yang perlu saya lakukan? Saya takut tidak dapat menahan perasaan hingga boleh menjejaskan tumpuan atau lebih teruk mendatangkan perkara-perkara tidak diinginkan.

**TERTEKAN,
Pulau Pinang**

! Dr memahami apa yang adik rasakan. Adik sebagai pekerja tentun-

ya merasa risau dengan apa yang berlaku kerana ia boleh menjejaskan periuk nasi adik.

Sikap suka berubah-ubah majikan memang boleh mewujudkan tekanan atau kekeliruan kepada pekerja di bawahnya.

Dr juga mengucapkan terima kasih atas kesudian adik membantu adik-adik dari segi kewangan demi kejayaan pelajaran mereka.

Tanggungjawab dan kesediaan adik untuk berkorban demi masa hadapan mereka amat Dr hargai.

Dr tidak tahu punca sebenar perubahan yang majikan adik alami. Ada yang melihat tingkah laku sebegini sebagai individu 'dual personality' iaitu mempunyai dua personaliti berbeza.

Dari perspektif psikologi, pekerja sering merasa tertekan bekerja di bawah majikan sebegini.

Seterusnya, Dr tidak pasti sama ada perubahan tingkah laku majikan ada kaitannya dengan kedatangan haid. Bagaimanapun, ada pan-

dangan mengatakan sesetengah wanita mengalami gangguan emosi apabila mereka sedang haid.

Gangguan emosi ini boleh berlaku dalam bentuk perti jika adik tidak lagi bekerja, apakah yang akan dilakukan? Apakah pilihan lain yang boleh adik lakukan?

Adik perlu juga melihat dari aspek kewangan dalam membuat sesuatu keputusan. Sebaliknya, jika adik terus bekerja dengan majikan yang mempunyai sikap tidak menentu, apakah pula cara yang perlu dilakukan agar adik tidak selalu merasa tertekan.

Sebagai pekerja, memahami sikap majikan boleh meringankan tekanan. Memandangkan sikapnya tidak menentu selalu berlaku, anggaplah ia sebagai sebahagian daripada personaliti dirinya. Memahami dan menerima diri majikan seadanya boleh meringankan perasaan tertekan adik.

Adik sendiri menjelaskan bahawa sukar untuk mendapat pekerjaan. Tambahan pula adik mempunyai tekad untuk memban-

tu keluarga mengurangkan bebanan kewangan mereka.

Berhenti kerja tidak akan menyelesaikan masalah yang adik sedang hadapi.

Adik perlu membuat satu senarai semak iaitu baik buruknya jika berhenti kerja. Persoalan seperti jika adik tidak lagi bekerja, apakah yang akan dilakukan? Apakah pilihan lain yang boleh adik lakukan?

Adik perlu juga melihat dari aspek kewangan dalam membuat sesuatu keputusan. Sebaliknya, jika adik terus bekerja dengan majikan yang mempunyai sikap tidak menentu, apakah pula cara yang perlu dilakukan agar adik tidak selalu merasa tertekan.

Sebagai pekerja, memahami sikap majikan boleh meringankan tekanan. Memandangkan sikapnya tidak menentu selalu berlaku, anggaplah ia sebagai sebahagian daripada personaliti dirinya. Memahami dan menerima diri majikan seadanya boleh meringankan perasaan tertekan adik.

Satu cara yang boleh adik lakukan ialah dengan

berterus terang dengan majikan.

Namun, ia juga mempunyai risiko tersendiri. Jika majikan adik seorang yang mempunyai fikiran terbuka dan boleh menerima pandangan orang lain terhadapnya, dia mungkin boleh mengubah tingkah lakunya.

Perkara yang sebaliknya mungkin berlaku. Sikap berterus terang adik boleh menyebabkan dia merasa tersinggung dan memberi kesan negatif kepada adik sebagai pekerja.

Jika implikasinya adalah lebih buruk dan adik tidak mempunyai kekuatan untuk memberitahu perkara sebenar kepadanya, alternatif yang boleh dilakukan ialah sama ada berhenti kerja atau memahami sikap majikan adik itu.

Apa yang adik akan lakukan bergantung kepada yang manakah akan memberi lebih manfaat dan kesejahteraan mental, fizikal, kewangan dan sebagainya. Adik sendiri yang lebih mengetahui perkara itu.